



**SOALAN-SOALAN LAZIM**  
**CORPORATE REGISTRY SYSTEM (CRS) – PEMBUKAAN SEMULA SISTEM DAN**  
**PERKHIDMATAN KAUNTER SSM**

| BIL. | SOALAN   | JAWAPAN  |
|------|--|--|
| 1.   | Bilakah CRS akan mula beroperasi?  | CRS akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Bagi Fasa 1 yang melibatkan serah simpan dokumen berkanun syarikat, pelaksanaannya dijadualkan bermula pada 14 Julai 2026.  |
| 2.   | Bilakah MyCoID dan e-Secretary akan dibuka semula memandangkan CRS tidak dilaksanakan pada 30 Jun 2026?  | MyCoID dan e-Secretary telah dibuka semula pada 30 Jun 2026 pada jam 3.00 petang.  |
| 3.   | Adakah dokumen berkanun syarikat boleh diserahkan simpan melalui kaunter memandangkan CRS tidak dilaksanakan pada 30 Jun 2026?                                   | Perkhidmatan kaunter telah dibuka semula pada 30 Jun 2026 pada jam 3.00 petang.  |
| 4.   | Adakah SSM memberikan pengecualian fi lewat serah simpan bagi transaksi melalui MyCoID memandangkan sistem tersebut ditutup dari 20 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026? | Ya. SSM memberikan pengecualian fi lewat serah simpan bagi dokumen yang sepatutnya diserahkan simpan dalam tempoh penutupan sistem MyCoID, iaitu dari 20 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026.  |
| 5.   | Adakah SSM memberikan pengecualian fi lewat serah simpan dokumen berkanun syarikat yang diserahkan simpan melalui kaunter?                                       | Ya. SSM memberikan pengecualian fi lewat serah simpan bagi dokumen berkanun syarikat yang sepatutnya diserahkan simpan dalam tempoh penutupan perkhidmatan kaunter dan sistem MyCoID, iaitu dari 20 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026. |
| 6.   | Bagi permohonan nama yang telah diluluskan tetapi luput disebabkan oleh penutupan sistem, adakah SSM akan melanjutkan tempoh kelulusan nama tersebut?            | Ya, bagi permohonan nama yang luput disebabkan oleh penutupan sistem, SSM akan melanjutkan tempoh kelulusan nama tersebut mengikut tempoh yang terjejas.   |
| 7.   | Bilakah tarikh akhir serah simpan dokumen melalui MyCoID dan e-Secretary memandangkan sistem CRS dijangka dilaksanakan pada 14 Julai 2026?                       | Tarikh akhir serah simpan dokumen melalui sistem MyCoID dan e-Secretary adalah pada 7 Julai 2026, jam 7.00 malam.  |

| <b>BIL.</b> | <b>SOALAN</b>  | <b>JAWAPAN</b>  |
|-------------|--|---|
| 8.          | Bilakah tarikh akhir serah simpan dokumen melalui kaunter memandangkan sistem CRS dijangka dilaksanakan pada 14 Julai 2026?                                    | Tarikh akhir serah simpan dokumen melalui kaunter adalah pada 7 Julai 2026, jam 4.00 petang.  |
| 9.          | Mengapakah MyCoID, e-Secretary dan perkhidmatan kaunter ditutup lebih awal sedangkan CRS hanya akan dilaksanakan pada 14 Julai 2026?                           | <p>MyCoID, e-Secretary dan perkhidmatan kaunter ditutup awal untuk memberi laluan kepada SSM dalam membuat persiapan pelaksanaan CRS bermula pada 7 Julai 2026 - 14 Julai 2026 jam 9.00 pagi.</p> <p>MyCoID, e-Secretary dan perkhidmatan kaunter ditutup lebih awal bagi memberi laluan kepada SSM untuk persiapan akhir sebelum pelaksanaan CRS pada 14 Julai 2026.</p> |
| 10.         | Memandangkan SSM menutup sistem bermula 7 Julai 2026 hingga pelaksanaan CRS pada 14 Julai 2026, adakah SSM akan memberikan pengecualian fi lewat serah simpan? | Ya, SSM akan memberikan pengecualian fi lewat serah simpan bermula 14 Julai 2026 sehingga 30 September 2026 untuk serah simpan melalui CRS.   |

*Dikemaskini pada 2 Julai 2026*